

Jangan keliru pihak politikkan isu setinggan

UM 30 MAY 2002

KUALA LUMPUR 29 Mei — Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad berkata, rakyat tidak harus terkeliru dengan tindakan pihak-pihak tertentu yang sering mempolitikkan isu setinggan untuk kepentingan mereka.

Perdana Menteri menjelaskan, tindakan kerajaan merobohkan rumah-rumah setinggan adalah demi kebaikan semua pihak termasuk penghuni setinggan itu sendiri.

Menurutnya, rakyat tidak wajar menganggap tindakan meroboh itu sebagai satu tindakan kasar dan menganiaya penduduk setinggan.

Katanya, jika tindakan itu tidak diambil, kawasan-kawasan setinggan akan terus bertambah dan ia akan menjadi ancaman kepada kesihatan dan keselamatan penduduk.

“Masalah setinggan ini agak rumit sikit untuk diatasi kerana untuk atasi masalah ini, kita perlu bertindak yang mungkin dianggap agak kasar untuk merobohkan bangunan-bangunan yang haram dan tidak sesuai itu,” katanya.

Beliau berkata demikian kepada para pemberita selepas merasmikan Kongres Dunia ke-53 Persekutuan Hartanah Antarabangsa (FIABCI) di Pusat Dagangan Dunia Putra di sini hari ini.

Dr. Mahathir berkata, walaupun kerajaan bertindak merobohkan rumah setinggan tetapi ia akan disusuli dengan tindakan membina rumah-rumah baru untuk golongan terbabit.

Bagaimanapun tegasnya, kerajaan tidak mampu untuk menyediakan rumah-rumah itu secara percuma, sebaliknya perlu dikenakan bayaran.

Katanya, penghuni setinggan bukannya terdiri daripada golongan yang tidak mampu tetapi memilih tinggal di kawasan itu untuk mengelakkan daripada membayar sewa rumah yang tinggi.

Ditanya bila masalah setinggan akan dapat dihapuskan sepenuhnya, Dr. Mahathir berkata, perkara itu terlalu sukar untuk ditentukan.

“Kita tutup satu tempat, dia buka tempat lain,” katanya.

Justeru beliau meminta semua pihak berkuasa tempatan supaya memastikan tidak ada tanah yang terbiar atau kosong di kawasan tadbiran mereka.

“Kalau ada tanah yang kosong daripada aktiviti, mereka harus tanam pokok atau letakkan sesuatu di atas

tanah itu supaya tidak dicerobohi,” katanya.

Mengenai peranan sektor swasta dalam membantu menangani masalah setinggan, Dr. Mahathir berpuas hati dengan prestasi mereka setakat ini tetapi yakin mereka boleh meningkatkan lagi komitmen mereka itu.

Mengenai hak milik strata yang masih menjadi isu di kalangan pemilik rumah jenis bertingkat, Perdana Menteri berkata, peraturan mengenai perkara itu sudah sedia ada.

“Cuma orang tidak patuh. Yang diperlukan ialah penguatkuasaan,” tegasnya.

Sementara itu, dalam ucapan perasmian, Dr. Mahathir berkata, penglibatan bersama antara sektor awam dan

swasta dalam membangunkan bidang hartanah adalah contoh pelaksanaan konsep Persyarikatan Malaysia.

Katanya, menerusi konsep itu, sebanyak 859,480 unit rumah kos rendah dibina dalam Rancangan Malaysia Ketujuh (RMK-7), 217,000 unit dalam RMK-6 dan menyasarkan 615,000 unit dalam RMK-8.

“Konsep Persyarikatan Malaysia menyediakan laluan yang lebih mudah kepada sektor swasta untuk menyatakan masalah dan cadangan mereka kepada kerajaan.

“Yang penting ialah bukan sahaja kedua-dua sektor saling belajar antara satu sama lain tetapi juga boleh memberikan cadangan untuk meningkatkan perkhidmatan masing-masing,” katanya.